

8

SOALAN NO: 405

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' IZANI BIN HUSIN

[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN:

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik kes penderaan dan gangguan seksual terhadap kanak-kanak bagi tempoh 2013 sehingga 2016 mengikut pecahan negeri.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara.

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), kategori kes penderaan seksual kanak-kanak adalah terdiri daripada kes rogol, sumbang mahram, luar tabii dan cabul. Statistik PDRM pada tahun 2013 sehingga Jun 2017 menunjukkan bilangan kes penderaan seksual mengikut kategori kes adalah seperti berikut, kes rogol adalah sebanyak **5,362 kes (51.0 peratus)**, sumbang mahram sebanyak **981 kes (9.3 peratus)** , luar tabii sebanyak **810 kes (7.7 peratus)** dan cabul adalah sebanyak **3,368 kes (32.0 peratus)**.

Kes rogol adalah merupakan kategori kes paling tinggi berlaku diikuti oleh kes cabul, sumbang dan sumbang mahram yang telah dilaporkan kepada PDRM. Maklumat secara terperinci mengenai statistik kes penderaan seksual mengikut kategori kes adalah seperti di lampiran.

Manakala bagi bilangan kes penderaan seksual dan gangguan seksual terhadap kanak-kanak mengikut pecahan negeri bagi tahun 2013 sehingga Jun 2017, bilangan kes rogol yang tertinggi dicatatkan di negeri Johor sebanyak 976 kes, diikuti negeri Selangor sebanyak 966 kes dan negeri Kelantan 635 kes.

Bagi kes sumbang mahram, statistik tahun 2013 sehingga Jun 2017 menunjukkan bilangan kes tertinggi dicatatkan di negeri Sabah sebanyak 172 kes, diikuti oleh negeri Selangor 133 kes dan Johor sebanyak 112 kes. Manakala bagi kes luar tabii statistik 2013 sehingga Jun 2017 menunjukkan bilangan kes tertinggi dicatatkan di negeri Selangor sebanyak 163 kes, diikuti oleh negeri Johor sebanyak 96 kes dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 90 kes.

Seterusnya bagi kes mencabul kehormatan, statistik bagi tahun 2013 sehingga Jun 2017 menunjukkan bilangan kes tertinggi dicatatkan di

negeri Selangor sebanyak 607 kes, diikuti oleh negeri Johor 486 kes dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 288 kes.

Secara umumnya kes penderaan seksual kanak-kanak seperti rogol, sumbang mahram, luar tabii dan mencabul kehormatan adalah tinggi dicatatkan di negeri Selangor, Johor, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.